

12 APR 1997

Muhammad-profil

MUHAMMAD SENASIB DENGAN MIKE TYSON

KUALA LUMPUR, 12 April (Bernama) -- Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib yang telah meletakkan jawatan sebagai Menteri Besar Selangor mungkin senasib dengan personaliti nama jolokannya, Mike Tyson, bekas jaguh tinju dunia.

Bagaimana Muhammad, 51, menerima jolokan itu tidak dapat dipastikan tetapi yang nyata ialah kedua-duanya "tumbang" ketika berada di persada kegemilangan kerjaya masing-masing.

Ada yang berpendapat jolokan itu diberi kepada Muhammad ketika berita perkahwinannya dengan Tengku Puteri Zahariah, puteri Sultan Selangor, atau dikenali sebagai "Ku Yah" pada Julai 1987 hangat diperkatakan.

Kisah itu menjadi sensasi apabila Sultan Selangor murka dengan perkahwinan itu kerana tidak dimaklumkan kepada baginda.

Sungguhpun demikian, Muhammad yang dilantik menjadi Menteri Besar Selangor pada 14 Ogos 1986, terus muncul sebagai seorang daripada tokoh Umno paling popular.

Peletakan jawatannya yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berlaku sehari selepas Mahkamah Majistret di Brisbane, Australia, dimaklumkan bahawa Muhammad akan menghadapi satu lagi tuduhan iaitu membuat pengisytiharan palsu berkaitan kes beliau cuba membawa keluar wang yang nilainya bersamaan A\$1.2 juta (RM2.4 juta) tanpa membuat pengisytiharan.

Detik kejatuhan Muhammad bermula pada 22 Dis tahun lepas -- hanya sebulan selepas beliau berjaya dipilih semula sebagai Naib Presiden UMNO -- apabila beliau ditahan di lapangan terbang antarabangsa Brisbane kerana wang itu.

Negara juga dikejutkan oleh laporan akhbar Brisbane Courier Mail mengenai Muhammad dan isterinya Puan Sri Asbi Rohani Asnan didakwa memilik harta di Australia termasuk sebuah ladang biri-biri seluas 4,500 hektar dan hartanah lain bernilai berjuta-juta ringgit.

Badan Pencegah Rasuah (BPR) sudah memulakan siasatan terhadap Muhammad. Selain daripada menyoalsiasat Muhammad baru-baru ini, BPR juga telah menghantar empat pegawainya ke Australia untuk siasatan lanjut.

Sebelum ini, Muhammad juga telah menimbulkan kontroversi ekoran perkahwinannya dengan Ku Yah. Mereka dikurniakan seorang anak lelaki, Megat Faez, sebelum menamatkan perkahwinan mereka selama empat tahun itu pada 1991.

Beliau menjadi anggota Majlis Tertinggi UMNO buat pertama kali pada 1987 dan dipilih sebagai Naib Presiden pada 1993.

Muhammad menyertai UMNO pada tahun 1964 ketika berumur 19 tahun. Selepas enam tahun, beliau dilantik Ketua Pemuda Ulu Bernam dan kemudian Ketua Pemuda Hulu Selangor sebelum mengetuai UMNO Bahagian Hulu Selangor.

Sebelum itu beliau pernah menjadi pegawai khas kepada Timbalan Menteri Pelajaran ketika itu Datuk Suhaimi Kamaruddin dan meletak jawatan sebagai Penolong Pengarah (Bahagian Perancangan) Kementerian Pelajaran pada 1982 untuk bertanding kerusi DUN kawasan Batang Kali.

Beliau menerima didikan awal di Sekolah Rendah Batang Kali, tempat bapanya menjadi guru besar, sebelum memasuki maktab perguruan.

Setelah tamat pengajian, beliau berkhidmat di sebuah sekolah di Tanjung Malim yang menemukannya dengan Asbi Rohani Asnan yang dikahwininya beberapa tahun kemudian. Pasangan itu kini mempunyai tiga anak perempuan dan seorang lelaki.

Muhammad kemudian melanjutkan pelajaran di Universiti Malaya dan mendapat ijazah Sarjana Muda dengan kepujian kelas satu dalam Pengajian Melayu dan Pengajian Islam pada tahun 1979.-- BERNAMA
NHD RHM MAI